

NO SOALAN : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF
BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang dikenakan terhadap pihak yang mengimport sampah dari luar negara yang berselindung di sebalik aktiviti kitar semula.

NO SOALAN : 15

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius kes pengimportan sisa plastik secara haram ke Malaysia. Syarikat-syarikat pengimport pemegang lesen import (AP) yang didapati membawa masuk skrap plastik yang kotor dan tidak *homogeneous* ke dalam negara akan dikenakan tindakan tegas dengan membatalkan AP syarikat berkenaan secara serta-merta setelah notis amaran dikeluarkan.
2. Sehingga Jun 2019, 3 syarikat yang merupakan pemegang AP telah diberikan amaran dan 1 syarikat telah dibatalkan AP kerana didapati melanggar salah satu syarat yang ditetapkan oleh KP KT. Ini menunjukkan ketegasan KP KT dalam memastikan Malaysia tidak dijadikan tempat pelupusan sisa pepejal terutamanya sisa plastik dari negara luar.
3. Operasi bersepada di kilang-kilang pemprosesan skrap plastik haram akan diteruskan dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pembekal utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) bagi menangani kegiatan pengimport skrap plastik haram yang berselindung di sebalik aktiviti kitar semula. Tindakan akan diambil berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.